

CNS7812

U GB 13-08 00154 BB812

bah

Mahathir - BCCI

PETALING JAYA, 13 Ogos (Bernama) -- Kumpulan Bank of Credit and Commerce International (BCCI) pernah memohon untuk beroperasi di negara ini beberapa tahun lepas tetapi ditolak oleh Bank Negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata permohonan itu ditolak kerana Bank Negara meragui pengurusan kumpulan BCCI itu yang mempunyai ibu pejabatnya di Luxembourg.

Permohonan tersebut dibuat kira-kira enam atau tujuh tahun lepas, katanya kepada pemberita selepas melancarkan sistem kad pengenalan keselamatan bermutu tinggi (KPT) di ibu pejabat Jabatan Pendaftaran Negara di sini.

+Dari awal lagi pihak Bank Negara berpendapat pengurusan BCCI tidak begitu baik,+ katanya.

Sebelum ini, pengurus bagi peraturan bank di Bank Negara, Encik Abdul Murad Khalid dilaporkan sebagai berkata bahawa bank pusat itu menerima tiga permohonan, antara 1976 dan 1990, daripada anak syarikat BCCI, bank yang sedang dilanda masalah itu. -- Lagi

♥13/08/17-39MST

CNS7815

U GB 13-08 00124 BB813

bah

Mahathir - BCCI 2 Petaling Jaya

Bagaimanapun, katanya, permohonan itu ditolak, sebahagian besarnya kerana Bank Negara mempunyai dasar untuk tidak mengeluarkan lesen baru bagi membuka bank di negara ini dan juga ia tidak menepati garis panduan yang ketat oleh Bank Negara.

BCCI kini menjadi tumpuan setelah cawangan di beberapa negara ditutup kerana dakwaan berlakunya penyelewengan.

Ketika ditanya pendapatnya berhubung tindakan Bank Bumiputra dan Malayan Banking menaikkan kadar pinjaman asas kepada lapan peratus, Datuk Seri Dr Mahathir berkata ia mungkin satu cara untuk mengurangkan pinjaman dan +sekali gus memperlahankan perbelanjaan+.

+Kalau tidak, banyak orang membeli barang dan ini menyebabkan pengaliran ke luar negeri dan juga menyebabkan tekanan inflasi dan sebagainya,+ katanya. -- Bernama

♥13/08/17-40MST